

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DI MELAKA

DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA

KES MAL BIL: 04100-017-0309-2008

ANTARA

XXXXXX

... PLAINTIF

LAWAN

XXXXXX

... DEFENDAN

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka

(Y.A.A Datuk Mahammad bin Ibrahim

Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka)

[13 Safar 1432 H bersamaan 18 Januari 2011 M]

Kes Mal Bil. 04100-017-0309-2008

Undang-Undang Pentadbiran:

Bidang Kuasa Mahkamah membicara dan memutuskan kes Harta Sepencarian Seksyen

3 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002

Undang-Undang Keluarga Islam:

Bidang Kuasa mendengar dan memutuskan Harta Sepencarian – Seksyen 122

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Tafsiran Harta Sepencarian

A) FAKTA KES

1. Dalam kes ini pihak plaintif telah membuat tuntutan untuk mengistiharkan sebuah rumah yang terletak di No. 58, Taman Terus Maju, 32000 Setiawan Perak sebagai harta sepencarian. Seterusnya pihak plaintif menuntut supaya sebahagian daripada harta tersebut diberikan kepadanya setelah dinilai mengikut nilai harga semasa.
2. Plaintif dan Defendan telah berkahwin pada 7.11.1979. Hasil daripada perkahwinan tersebut mereka telah dianugerahkan 5 orang anak. Perkahwinan mereka boleh bertahan selama 28 tahun sahaja. Akhirnya mereka bercerai pada 28.11.2007.
3. Harta tersebut telah dibeli dan diperolehi semasa mereka berkahwin. Pembelian rumah tersebut telah dibuat pada tahun 1985 atas nama suami Defendan.
4. Harta tersebut masih lagi di bawah gadaian kepada Kementerian Kewangan Malaysia.
5. Plaintif mengakui bahawa beliau tidak ada sumbangan secara langsung terhadap pembelian harta tersebut. Namun begitu Plaintif telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri yang taat kepada suami dan sebagai seorang ibu yang penyayang dan bertanggungjawab dalam memastikan segala keperluan makan minum, pakaian anak-anak dan suami dapat disediakan dengan baik.

6. Plaintiff hadir bersama peguamnya sepanjang prosiding dijalankan. Manakala Defendan telah tidak hadir sepanjang prosiding di hadapan Hakim walaupun penyampaian saman terhadap Defendan telah disempurnakan secara penyampian ganti melalui iklan diakhbar Utusan Malaysia bertarikh 28.7.2009.

B) DIPUTUSKAN

1. Mahkamah perintahkan dan isytiharkan bahawa rumah dan tanah yang terletak di No. 58, Taman Terus Maju, 32000 Setiawan Perak adalah diisytiharkan sebagai harta sepencarian di antara Plaintiff dan Defendan.
2. Mahkamah perintahkan Defendan hendaklah untuk menyerahkan $\frac{1}{4}$ bahagian ke atas nilai rumah dan tanah di atasnya diletak Hak milik di atas nama Plaintiff XXXXXX dan Mahkamah perintahkan $\frac{3}{4}$ bahagian ke atas nilai rumah dan tanah di atasnya diletak Hak milik atas nama Defendan XXXXXX ke atas rumah dan tanah di No. 58, Taman Terus Maju, 32000 Setiawan Perak.
3. Mahkamah perintahkan mana-mana pihak berkuasa hendaklah melaksanakan perintah tersebut dengan membahagikan mengikut nilai bahagian masing-masing dan meletak hak ke atas tanah dan rumah tersebut seperti mana yang di perintahkan.
4. Sekiranya rumah tersebut dijual, maka Mahkamah perintahkan $\frac{1}{4}$ bahagian hendaklah diberikan kepada Plaintiff dan $\frac{3}{4}$ bahagian diberikan kepada Defendan setelah ditolak kos-kos yang terlibat.
5. Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

C) PEGUAM SYARIE:

Plaintif - Tetuan Adli & Co
Defendan - Tiada

D) KITAB-KITAB YANG DI RUJUK

1. KAEDAH-KAEDAH ILMU FIQH” (AL-QOWA’IDUL FIQHIYYAH) karangan DRS H. ABDUL MUDJIB, hlm. 33-34, cetakan Pustaka Kalam Mulia Jakarta Indonesia.
2. Kitab Al-Mahalli
3. Kitab Al-Turuq Al-Hukmiyyah Fi Al-Siasah Al-Syar’iyyah, Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah cetakan Dar Al Kitab Al-Alamiyah pada muka surat 22
4. Kitab Fiqh Al-Sunah, Al-Sayid Sabiq jilid kedua, juzuk-juzuk 6,7,8,9 dan 10, cetakan keempat 1403H/1983M terbitan Dar Al-Fikr, Beirut , Labenon
5. Kitab Fathul Muin m.s. 76 jilid 4

E) UNDANG-UNDANG YANG DI RUJUK

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka Seksyen 3 (b) (x), Seksyen 49 (1) , Seksyen 63(3),
2. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 , Seksyen 41 (1) , Seksyen 48 (1) (2) , Seksyen 121 (1)(b)
3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 Seksyen 122(1)
4. Arahan Amalan No.6 Tahun 2003
5. Kanun Tanah Negara Seksyen 417 dan 420.

F) KES-KES YANG DI RUJUK

1. XXXXXX lawan XXXXXX 1998 JH.Jld.XII Bhg. I
2. XXXXXX lwn XXXXXX
3. XXXXXX lwn. XXXXXX (1980) 2 JH 125
4. XXXXXX lwn XXXXXX (1979) 1 JH (2) 71

G) PENGHAKIMAN OLEH YAA DATUK MAHAMMAD BIN IBRAHIM

1. Dalam kes ini pihak plaintif telah membuat tuntutan supaya sebuah rumah di No. 58, Taman Terus Maju Setiawan Perak diistiharkan sebagai harta sepencarian. Beliau memohon supaya sebahagian daripada harta tersebut dibahagikan kepadanya.
2. Semasa perbicaraan berlangsung pihak plaintif hadir manakala defendan tidak hadir. Walau bagaimanapun penyampaian saman telah disempurnakan melalui penyampaian gantian saman melalui iklan diakhbat Utusan Malaysia pada 28 Julai 2009.

3. Di dalam keterangan plaintif kepada mahkamah bahawa plaintif telah mengakui bahawa plaintif tidak membuat sumbangan secara langsung terhadap pembelian sebuah rumah tersebut. Sumbangan plaintif hanyalah menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri kepada suami dan anak-anak mereka. Tanggungjawab beliau adalah memastikan segala keperluan makan, minum, pakaian, suami dan anak-anak mereka.
4. Semua keterangan tersebut telah dibuktikan dan disokong oleh dua orang saksi beliau. Kedua-dua saksi tersebut telah sepakat mengatakan bahawa beliau telah menjalankan tanggungjawab dengan baik terutamanya terhadap suami yang bekerja sebagai seorang tentera dan seterusnya tanggungjawab sebagai seorang ibu terhadap anak-anaknya. Anak-anaknya membesar dan mendapatkan pendidikan yang sempurna.
5. Sepanjang perbicaraan tersebut plaintif telah membuktikan bahawa beliau tidak pernah disabitkan oleh mana-mana mahkamah terhadap kesalahan walaupun nusuz. Ini membuktikan bahawa beliau seorang isteri yang taat kepada suaminya.
6. Sepanjang perbicaraan tersebut plaintif telah membuktikan bahawa rumah tersebut telah dibeli semasa di dalam perkahwinan mereka.
7. Di atas keterangan yang diberikan timbul beberapa isu-isu terhadap tuntutan harta sepencarian tersebut. Di antara isu-isunya ialah seperti berikut :-

- i) Samaada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan kes ini memandangkan defenden, sepanjang perbicaraan dijalankan tidak hadir. Adakah perbicaraan sebelah pihak ini dibenarkan oleh undang-undang dan hukum syara'.
 - ii) Adakah Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa melaksanakan perintah ini sedangkan harta tersebut berada di luar Melaka.
 - iii) Sekiranya Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa sejauh manakah perintah tersebut boleh dilaksanakan.
 - iv) Adakah Plaintiff dapat membuktikan bahawa rumah yang dibeli telah diperolehi semasa di dalam perkahwinan mereka.
 - v) Sekiranya dibuktikan wujud adakah plaintiff dapat membuktikan pula sejauh mana kadar atas takat had sumbangan secara langsung atau tidak langsung di dalam memperoleh harta tersebut.
8. Semua isu-isu ini hendaklah dihuraikan dan diperjelaskan satu persatu berdasarkan kepada fakta-fakta kes, isu-isu dan peruntukan undang-undang semasa dan hukum syarak.

a) ISU PERTAMA: BIDANG KUASA

- 1. Samada Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan kes ini memandangkan defendan sepanjang perbicaraan dijalankan telah tidak hadir. Adakah perbicaraan sebelah pihak dibenarkan oleh undang-undang dan syarak. Untuk menjawab persoalan ini eloklah Mahkamah ini merujuk kepada beberapa undang-undang yang diterimapakai dan berkuat kuasa setakad hari ini.

Mengikut **Seksyen 3(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka Tahun 2002:**

“ Dalam bidang kuasa Malnya mendengar dan memutuskan semua tindakan atau prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan pembahagian atau tuntutan harta sepencarian”

2. Mengikut **Seksyen 122(1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka 2002):**

“Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya apa-apa aset-aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu”.

3. Menurut **Arahan Amalan No.6 Tahun 2003**, harta sepencarian hendaklah dituntut di Mahkamah yang berbidang kuasa dalam negeri di mana perintah perceraian dan pengesahan perceraian dikeluarkan. Telah jelas bahawa undang-undang dan Arahan Amalan yang telah dirujuk ini memberikan bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes tersebut. Mahkamah ini juga mempunyai bidang kuasa setelah dibuktikan dan disabitkan untuk memerintahkan supaya segala aset-aset yang diperolehi semasa di dalam

perkahwinan dengan usahasama bersama mereka dibahagikan atau dijualkan. Hasil jualan harta tersebut dibahagikan dikalangan mereka berdua.

4. Dalam kes ini telah terbukti kepada Mahkamah bahawa kedua-dua pihak telah bercerai di Mahkamah Rendah Syariah Melaka Tengah Melaka. Oleh itu Plaintiff berhak menuntut harta sepencarian tersebut di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka.
5. Dalam persoalan ini Mahkamah ini merujuk kepada satu kes **XXXXXX lawan XXXXXX 1998 JH.Jld.XII Bhg. I**. Di mana Hakim Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa Mahkamah yang mensabitkan cerai sahaja yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan harta sepencarian tersebut.
6. Dalam penghakiman rayuan tersebut telah terserlah bahawa Mahkamah yang mensabitkan perceraian tersebut mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan kes tersebut. Maka dalam isu ini tidak timbul lagi pertikaian mengenai isu tersebut. Seperti mana yang sedia maklum bahawa secara umumnya di dalam perbicaraan tanpa kehadiran Defendan adalah tidak diharuskan atau digalakkan untuk Hakim mendengar dan memutuskan kes tersebut kecuali ada signifikan. Sekiranya dilakukan juga ia akan menimbulkan ketidakpuasan dan ketidakadilan kepada pihak yang satu lagi.
7. Mengikut kes **XXXXXX lwn XXXXXX**, kes di Selangor yang tidak dilaporkan di dalam Jurnal Hukum. Kes ini telah dirayu. Di antara alasan rayuannya ialah perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Tingi Syariah

yang memberikan hak lawatan anak kepada Responden yang mana keputusan itu dibuat tanpa kehadirannya. Hakim Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan bahawa kes ini hendaklah dibicarakan semula. Alasan yang diberikan oleh Mahkamah Rayuan bahawa Y.A Hakim tersebut telah terkhilaf memutuskan Seksyen 121 (1)(b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 (ETMSNM 2002) kerana tidak terbukti penyampaian notis telah disempurnakan dengan sewajarnya mengikut kehendak seksyen tersebut.

8. Telah jelas dalam kes Rayuan tersebut bahawa perbicaraan dan keputusan tanpa kehadiran pihak Defendan adalah tidak digalakkan kecuali telah dibuktikan bahawa penyampaian saman telah sewajarnya disempurnakan kepada pihak Defendan.

9. Mengikut **Seksyen 121 (1)(b)** telah menjelaskan bahawa jika apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk mendengar :

(b) Defendan tidak hadir, Mahkamah boleh tertakluk kepada bukti penyampaian wajar mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya.

10. Dalam sub-seksyen tersebut telah jelas menyebutkan bahawa perkataan **tertakluk kepada bukti penyampaian wajar** adalah perlu diberi perhatian oleh Hakim-hakim semasa mengendalikan perbicaraan.

11. Pembuktian penyampaian saman adalah menjadi subjek utama dalam perbicaraan bagi menentukan sejauh manakah saman tersebut telah disampaikan kepada Defendan yang terlibat seperti mana yang dikehendaki

dalam **Seksyen 41(1) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Melaka.**

12. Pembuktian penyampaian saman ini dapat dilihat kepada laporan afadavit penyampaian saman oleh penghantar saman. Biasanya Hakim akan melihat kepada laporan afidavit penyampaian saman tersebut sebelum membuat tindakan selanjutnya. Biasanya kebanyakan saman tidak dapat disampaikan dan disempurnakan kepada pihak-pihak yang terlibat adalah kerana Plaintiff biasanya tidak memberi alamat lengkap Defendan. Biasanya Plaintiff akan menamakan dan mengalamatkan alamat terakhir Defendan. Kadang kala Defendan telah didapati berpindah ke alamat yang tidak diketahui. Inilah yang menimbulkan masalah kesukaran kepada Mahkamah, seterusnya akan menimbulkan masalah kepada Plaintiff sendiri. Dalam hal ini kebanyakan orang ramai menyalahi Mahkamah bahawa kes mereka tertangguh-tangguh.
13. Memandangkan isu ini menjadi polemik dalam pembuktian penyampaian saman, maka satu tindakan hendaklah diambil oleh Hakim Mahkamah dengan memberikan penekanan kepada penyelesaian masalah tersebut. Tindakannya ialah dengan memerintahkan penyampaian saman gantian sama ada melalui tampalan di papan kenyataan Mahkamah atau di tempat-tempat awam yang mudah dilihat oleh orang yang hendak disampaikan saman kepadanya. Atau saman tersebut disampaikan melalui pengiklanan di dalam akhbar-akhbar tempatan. Tindakan ini adalah selaras dengan **Seksyen 48 (1)(2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Melaka.** Semua tindakan-tindakan ini membolehkan Mahkamah membuat keputusan segera bagi mempercepatkan pendengar kes.

14. Tindakan ini sekurang-kurangnya memberi masa dan ruang kepada Defendan untuk mengambil tindakan prosiding untuk hadir membuat pembelaan dan seterusnya memberi keterangan kepada Mahkamah. Atau sekurang-kurangnya sekiranya kes ini dirayu, Hakim Rayuan tidak membuat keputusan memerintahkan kes ini dibicarakan semula oleh sebab ketidak peluangan pembelaan diri dan ketidak hadiran defendan. Maka di dalam kes ini saya berpendapat ketidak hadiran Defendan sepanjang perbicaraan tidak lagi berbangkit kerana ia telah diberikan masa dan ruang yang membolehkan Defendan hadir. Tindakan peguam Plaintiff dengan menyempurnakan dan penyampaian gantian melalui iklan di akhbar adalah satu tindakan yang betul. Oleh itu tindakan Hakim meneruskan perbicaraan tanpa kehadiran Defendan setelah mengambil kira tahap kewajaran saman adalah tindakan yang selaras dengan kehendak prosedur undang-undang tersebut. Dalam kes ini tindakan Mahkamah meneruskan perbicaraan tanpa kehadiran Defendan adalah setelah Mahkamah bpuas hati dan setelah Mahkamah memberikan ruang masa tangguhan yang singkat dan munasabah kepada pihak Defendan. Timbul isu kalau begitu adakah perbicaraan sebelah pihak ini bertentangan dengan hukum syara'.
15. Untuk menjawab persoalan ini saya akan merujuk kepada beberapa buah hadis dan Kitab Fiqh yang membahaskan persoalan isu ini. Pada umumnya setiap pertikaian kes hendaklah diputuskan setelah kedua-dua pihak memberi keterangan. Ianya merupakan satu dasar atau asas pokok perundangan Islam. Sebagaimana satu riwayat daripada Abu Daud bahawa Sayidina Ali berkata kepada Rasulullah S.A.W. yang bermaksud :

“Ya Rasulullah, tuan mengutuskan aku ke Yaman untuk menjadi Qadi sedangkan aku masih muda dan tidak mengetahui tentang kehakiman”.

Rasullah bersabda:

“Sesungguhnya Allah akan memberikan hidayah Nya kepada hati engkau dan menetapkan lidah mu. Jika datang 2 orang yang bertikai duduk di hadapan kamu, maka janganlah engkau menjatuhkan hukuman sehinggalah engkau mendengar hujah dan keterangan pihak kedua seperti engkau mendengar pihak pertama, kerana itulah yang lebih layak dilakukan agar jelas bagi kamu untuk menjatuhkan hukuman”.

16. Hadis tersebut dengan jelas memberikan panduan kepada seseorang hakim semasa mengendalikan proses perbicaraan. Hukuman tidak boleh dijatuhkan dan penghakiman tidak boleh diberikan meoainkan semua pihak telah diberi peluang yang sama rata. Hak membela diri dan mengemukakan keterangan serta hujahan hendaklah diberikan kepada pihak yang terlibat.
17. Berdasarkan kepada kefahaman hadis di atas ianya menunjukkan bahawa hukum syarak pada dasarnya tidak menggalakkan pendengaran dan keterangan sesuatu kes bagi sebelah pihak (ex-parte) sahaja malah dimestikan mendengar keterangan oleh kedua-dua belah pihak. Ini adalah satu kaedah am yang telah ditetapkan oleh hukum syara’.

18. Walaupun begitu ada ulama yang berpendapat bahawa ada kes-kes tertentu yang diberikan pengecualian terhadap pemakaian kaedah Am ini. Ini adalah kerana Islam itu sebagai Addin yang mencukupi segenap lapangan hidup. Ianya sesuai setiap zaman dan masa. Maka sudah tentu ianya mempunyai kaedah pengecualian tersebut.
19. Justeru itu Mahkamah ini merujuk di dalam kitab : **“KAEDAH-KAEDAH ILMU FIQH” (AL-QOWA’IDUL FIQHIYYAH)** karangan DRS H. ABDUL MUDJIB, hlm. **33-34**, cetakan Pustaka Kalam Mulia Jakarta Indonesia kepada satu kaedah Feqhiah yang direalisasikan oleh Imam As-Syafie. Iaitu kaedahnya, اذا ضاق الأمر اتسع , maksudnya

“Apabila sesuatu itu sempit, maka hukumnya menjadi luas”.

‘Berkata Ibnu Abi Hurairah’ saya meletakkan segala sesuatu kepada dasarnya dengan katanya:

"إذا ضاقت اتسعت وإذا اتسعت ضاقت".

Yang memberi maksud: “Bahawa segala sesuatu apabila sempit (sulit dikerjakan) maka hukum pelaksanaannya menjadi longgar dan apabila longgar maka ia menjadi sempit pelaksanaan hukumnya”.

20. Keadaan ini disokong oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a.h. dengan katanya :

أن هند بنت عتبة قالت : يا رسول الله إن أبا سفيان رجل شحيح ، وليس يعطيني ما يكفيني ولدي إلا ما أخذت منه وهو لا يعلم فقال : خذي ما يكفيك وولدك بالمعروف

رواه البخاري (507)

Terjemahannya: Aisyah meriwayatkan bahawa Hindun binti Utbah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. dengan katanya : Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Abu Sufyan seorang lelaki yang kedekut, tidak memberi nafkah yang mencukupi untukku dan anak-anakku melainkan aku terpaksa mengambil nafkah untukku dan anak-anakku dari hartanya tanpa pengetahuannya. Jawab Baginda Rasulullah s.a.w.: Ambillah nafkah sekadar untukmu dan anak-anakmu secara maaruf.

Riwayat Bukhari Jld. 9, hlm. 507

21. Di dalam hadis ini Rasulullah s.a.w. telah memberi penghakimannya kepada Hindun tanpa kehadiran Abu Sofyan. Ini menunjukkan bahawa penghakiman tanpa kehadiran pihak defendan adalah diharuskan oleh syara'. Manakala maksud maaruf di sini ialah mengambil nafkah sekadar keperluan mengikut nilai kadar yang mencukupi ketika itu.

22. Mahkamah merujuk kepada sebuah Hadis dari Abi Musa Asya'ri katanya :

كان رسول الله (ص) إذا حضره الخصمان وتواعدا الحضور من الغد فوفى أحدهما ولم يوف الآخر قضى للذي وفى على الذى لم يوف

أورده القاضي عبد الوهاب والإمام البهوتي

Terjemahannya: Apabila dihadapkan dua orang yang bertelingkah di hadapan Baginda Rasulullah s.a.w. kemudian perbicaraan tersebut ditangguhkan pada keesokan harinya. Pada keesokan harinya hanya satu pihak sahaja yang hadir, maka Baginda Rasulullah s.a.w. terus memutuskan penghakimannya kepada yang hadir.

(Sila lihat kitab *نظرية الحكم القضائي في الشريعة والقانون*) Hal. 205 karangan Dr Abdul Al-Nasr Musa Abu Al-Basal).

23. Hadis ini menunjukkan bahawa harus menjatuhkan hukuman kepada sebelah pihak tanpa kehadiran pihak Defendan/Responden.

24. Mengikut Kitab Al-Mahalli :

حكم عمر بن الخطاب وعثمان بن عفان في المفقود أن إمرأته تتربص أربع سنين وأربعة وعشرا ثم تتزوج ،
قال ابن حزم : وهذا كله قضاء على الغائب
وقال ابن حزم أيضا : ولا يصح عن أحد من الصحابة خلاف ذلك ن فإذا لم ينقل أن أحدا من الصحابة قد خالف عمر وعثمان
في الحكم على الغائب فإنه يكون إجماعا.

المحلّى 9 / 369

Terjemahan: Sayidina Umar dan Sayidina Usman telah menghukum kepada orang (suami) yang hilang bahawa isterinya boleh berkahwin dengan orang lain dengan syarat selesai Eddahnya selama 4 bulan 10 hari.

25. Kata Ibnu Hazm: Inilah dalil yang menunjukkan bahawa syara' membolehkan penghakiman tanpa kehadiran piha yang satu lagi. Beliau menambah lagi dengan katanya: Tidak ada khilaf di kalangan para Sahabat Nabi s.a.w. tentang keharusan Qadha sebelah pihak sahaja. Apabila tidak terdapat khilaf di kalangan Para Sahabat mengenai penghkiman Sayidina Umar dan Sayidina Usman maka jadilah ia ijma'.
26. Daripada Hadis dan beberapa kaedah Fiqhiah yang diberikan menunjukkan bahawa mendengar permohonan di sebelah pihak dan keputusan yang dijatuhkan adalah dibolehkan di dalam hukum syara' dalam keadaan tertentu dan kes-kes tertentu sahaja bukan semua kes.
27. Dalam kes di hadapan saya ini, Mahkamah telah mengambil beberapa langkah ihtiyati seperti Penyampaian Saman Gantian kepada Defendan. Tindakan ini adalah bagi membolehkan kes tersebut dibicarakan dnegan kadar segera yang boleh bagi mengelakkan berlakunya penganiayaan ke atas Plaintiff hanya kerana isu ketidakhadiran Defendan sahaja. Maka dengan ini Mahkamah berpendapat tindakan membicarakan sebelah pihak setelah Mahkamah mengambil tindakan احتياط dan kewajaran penyampaian saman adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang.

**b) ISU KEDUA: HARTA YANG DIPERTIKAIKAN BERADA DI LUAR NEGERI
MELAKA**

1. Adakah Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa melaksanakan perintah ini sedangkan harta tersebut berada di luar Melaka.
2. Untuk menjawab persoalan ini Mahkamah akan merujuk kepada undang-undang sedia ada serta melihat bagaimana undang-undang tersebut digunakan dan dilaksanakan bagi melaksanakan perintah tersebut.
3. Dalam **Seksyen 49(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka** menyebutkan bahawa :

49 (1): Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Melaka dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

4. Mengikut undang-undang tersebut bahawa Mahkamah Tinggi ini mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan apa-apa kes yang berada di Negeri Melaka sahaja.
5. Ini bermakna keputusan atau hukuman itu boleh dilaksanakan di Negeri Melaka sahaja tidak boleh dilaksanakan di negeri lain selain daripada Negeri Melaka. Sebagai contoh Mahkamah Tinggi Syariah Melaka telah memutuskan Harta Sepencarian $\frac{1}{2}$ dibahagikan kepada plaintif dan $\frac{1}{2}$ lagi diberikan kepada Defendan.
6. Katakan Mahkamah ini memerintahkan Pejabat Tanah Melaka membahagikan harta tersebut $\frac{1}{2}$ harta tersebut diberikan dan diletakkan hak kepada plaintif. Apabila plaintif pergi ke Pejabat Tanah untuk menukar namanya di dalam geran tanah maka

Pejabat Tanah Negeri Melaka tidak dapat tidak menerima dan melaksanakan perintah tersebut. Ini tidak menjadi persoalan kepada kes ini kerana harta tersebut berada di Negeri Melaka. Yang menimbulkan persoalan dalam kes ini ialah sekiranya harta tersebut berada di luar Negeri Melaka. Bagaimana perintah tersebut hendak dilaksanakan? Mengikut **Seksyen 63(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002**.

63(3) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana negeri di Malaysia membuat suatu perintah atau penghakiman di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam negeri itu terhadap seseorang dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam Negeri Melaka, maka Hakim Syarie, jika dia berpuas hati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sempurna oleh suatu Mahkamah Syariah yang berwibawa dalam mana-mana Negeri di Malaysia, boleh mengendorskan perintah atau penghakiman itu dan perintah atau penghakiman itu bolehlah kemudiannya dilaksanakan atau disampaikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sah oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri Melaka mengikut peruntukan Enakmen ini.

7. Di dalam undang-undang tersebut telah jelas bahawa sesuatu perintah yang telah dikeluarkan oleh sesuatu negeri boleh dilaksanakan di negeri yang berlainan dengan cara mengindoskan perintah tersebut seolah-olah perintah tersebut adalah perintahnya. Prosiding ini hendaklah dilaksanakan oleh plaintif sendiri dengan

membawa perintah ini ke negeri tersebut untuk diindoskan di Mahkamah Tinggi Syariah negeri berkenaan. Maka perintah ini bolehlah dilaksanakan dengan memohon ke Pejabat Tanah di negeri berkenaan untuk menukarkan dan memindahmilik namanya di atas geran tersebut kepadanya berdasarkan Perintah yang telah dikeluarkan.

8. Dalam isu undang-undang ini Mahkamah juga merujuk kepada **Undang-undang Kanun Tanah Negara** di bawah **Seksyen 417(1)(2)**:

417 Wibawa Am Mahkamah:

- (1) *Mahkamah atau Hakim boleh dengan peringah mengarahkan pendaftar atau mana-mana pentadbir tanah untuk melakukan segala apa benda seperti yang perlu untuk memberi kuat kuasa kepada apa-apa hukuman atau perintah yang diberi atau dibuat dalam mana-mana perbicaraan berkaitan dengan mana-mana tanah dan ia hendaklah merupakan kewajipan Pendaftar atau Pentadbir Tanah untuk mematuhi perintah itu selepas itu.*
- (2) *Jika menurut apa-apa perintah yang dibuat oleh sebab seksyen ini, Pendaftar atau mana-mana Pentadbir Tanah:*
 - (a) *Membatalkan apa-apa instrumen yang berkaitan dengan tanah atau apa-apa ingatan atau permasukan lain di atas mana-mana instrumen sedemikian atau membuat apa-apa pindaan lain,*

atau tambahan kepada mana-mana instrumen sedemikian.

Maka ia hendaklah mencatatkan di atasnya sebab bagi pembatalan, pindaan atau tambahan itu dan tarikh baginya dan hendaklah mengesahkan instrumen itu dengan menandatangani dan memetrikannya.

9. Jika diteliti kepada undang-undang tersebut menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah telah diberikuasa untuk melaksanakan perintahnya dan mengarahkan kepada mana-mana Pentadbir Tanah di seluruh Malaysia untuk memindahmilik dan meletakkan terhadap mana-mana harta di seluruh Malaysia kepada individu yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.
10. Kuasa yang diberikan adalah berdasarkan kepada pindaan **Seksyen 421 A – Undang-undang Kanun Tanah Negara** yang menjelaskan bahawa Mahkamah termasuklah Mahkamah Syariah.
11. Ini bererti bahawa Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk memerintahkan mana-mana Pentadbir Tanah di seluruh Malaysia melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.
12. Dalam isu ini ada dua tindakan yang boleh dilakukan oleh Plaintiff. Sama ada melalui pengendorsan perintah Mahkamah Tinggi Syariah atau menggunakan undang-undang Kanun Tanah Negara melaksanakan perintah tersebut. Oleh itu isu ini tidak akan berbangkit lagi kepada plaintiff untuk melaksanakan perintah tersebut kerana

telah ada dua pilihan kepadanya sama ada mengindoskan perintah yang diperoleh atau membuat permohonan terus kepada Pentadbir Tanah untuk melaksanakan perintah tersebut.

c) ISU KETIGA: PEMBUKTIAN PEROLEHAN HARTA DAN MASA PERKAHWINAN:

1. Dalam keterangan Plaintiff-Plaintif telah berkahwin pada 7.11.1979 dengan Defendan. Pada 28.11.2007 mereka telah bercerai dengan talak satu di Mahkamah Rendah Syariah Melaka Tengah. Plaintiff dalam keterangannya menyatakan bahawa mereka telah membeli sebuah rumah di No. 58, Taman Terus Maju, 32000 Setiawan Perak pada tahun 1985. Pembelian rumah tersebut telah dibuat semasa mereka berkahwin dengan menggunakan pinjaman Kerajaan. Rumah tersebut masih lagi di bawah gadaian kepada Kementerian Kewangan Malaysia.
2. Dari keterangan yang diberikan menunjukkan bahawa Pplaintif dapat membuktikan kepada Mahkamah bahawa harta tersebut telah diperolehi semasa di dalam perkahwinan mereka. Oleh itu Mahkamah ini tidak ada sebab untuk tidak menerima pembuktian tersebut sebagai perolehan harta mereka dalam masa perkahwinan. Ini diperkuatkan lagi dengan Plaintiff memberikan bukti sokongan Sijil nikah, dan Sijil cerai kepada Mahkamah.

**d) ISU KETIGA : MENGENAI TAKAT-TAKAT SUMBANGAN PLAINTIF
DAN DEFENDAN**

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

1. Setelah Plaintiff dapat membuktikan bahawa harta tersebut diperolehi semasa perkahwinan maka timbul persoalan apakah kadar sumbangan yang telah diberikan dalam memperolehi harta tersebut. Plaintiff dalam keterangan kepada Mahkamah telah menegaskan dan mengakui bahawa beliau tidak ada sumbangan wang secara langsung dalam pembelian harta tersebut. Namun begitu Plaintiff percaya dan yakin bahawa beliau mempunyai sumbangan secara tidak langsung terhadap pembelian tersebut. Ini dibuktikan oleh Plaintiff bahawa sebagai seorang isteri yang taat kepada suaminya, beliau telah menyerahkan jiwa raganya kepada suaminya setiap masa dan waktu. Beliau telah menyempurnakan segala tanggungjawabnya dalam melayani kehendak suaminya terutama memenuhi tugas harian memasak, membasuh, mengemas dan lain-lain tugas lagi. Beliau juga menyediakan dan menguruskan segala keperluan makan, minum, pakaian kepada suami dan anak-anaknya. Plaintiff menegaskan bahawa beliau telah menjadi isteri kepada Defendan selama 28 tahun. Sepanjang perkahwinan tersebut, Plaintiff hanya menjadi suri rumah sepenuh masa.
2. Mengikut Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Melaka 2002 telah memperuntukkan seperti:-

Seksyen 122 (2):

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh sub-seksyen (1)

*Mahkamah hendaklah mengambil perhatian **tentang:***

- a) *Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh setiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu;*
- b) *Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;*
- c) *Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pertimbangan yang sama banyak.*

3. Di dalam Seksyen tersebut telah jelas menunjukkan bahawa di dalam membuat pertimbangan dan pengukuran perolehan harta tersebut Mahkamah hendaklah memberikan 'priority' kepada tiga perkara tersebut:

- a) Takat-takat sumbangan;
- b) Apa-apa hutang yang terakru: dan
- c) Keperluan anak-anak.

4. Pengukuran takat-takat sumbangan hendaklah melihat juga sejauh mana harta tersebut diperolehi sama ada ia dilakukan dengan usaha bersama atau tunggal. Di dalam membuat tafsiran tersebut peruntukan Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 dengan dibaca bersama dengan tafsiran harta sepencarian di atas membawa maksud harta sepencarian tersebut boleh wujud dalam tiga dimensi seperti berikut:-

Pertama: Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syara' dengan usaha bersama mereka.

Kedua: Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syara' dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu.

Ketiga: Harta-harta yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan yang telah dimajukan kepada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan dalam Hukum Syara' oleh pihak yang satu lagi atau dengan usaha bersama suami isteri.

5. Dalam kes ini saya dapati rumah tersebut telah diperolehi dalam tempoh masa perkahwinan mereka melalui usaha tunggal Defendan. Defendan berusaha sendiri bagi mendapatkan pinjaman perumahan serta membiayai pembayaran pinjaman melalui potongan gaji. Manakala saya dapati Plaintif tidak ada sumbangan secara langsung dibuat bagi mendapatkan harta tersebut. Oleh itu Mahkamah ini telah mengenal pasti bahawa Plaintif boleh dikategorikan sebagai orang yang mempunyai sumbangan secara tidak langsung sahaja bagi mendapatkan harta tersebut. Oleh itu timbul persoalan di sini apakah yang dimaksudkan dengan sumbangan secara tidak langsung ini. Bagi merungkaikan jawapan kepada persoalan ini, Mahkamah akan mencuba untuk membuat penafsiran apakah yang dimaksudkan dengan sumbangan secara tidak langsung ini.

6. Sumbangan secara tidak langsung adalah suatu usaha yang telah dilakukan bagi memberikan buah fikiran,idea, dorongan, menyenangkan hati dan fikiran suami atau apa-apa yang seumpamanya bagi menghasilkan atau mendapatkan sesuatu harta tersebut.

7. Mengikut Kamus Bahasa, maksud frasa sumbangan tidak langsung adalah seperti berikut :

- Sumbangan(kata terbitan) : sesuatu yang diberikan sebagai bantuan atau bantuan atau pertolongan yang diberikan, sokongan .
- Tidak : digunakan untuk mengatakan bukan atau menafikan
- Langsung : tidak henti-henti, tidak berantara, kekal, selama-lamanya, terus.

Daripada maksud tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sumbangan secara tidak langsung adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut :-

- a) Menyempurnakan segala tanggungjawabnya sebagai isteri kepada suami dan anak serta rumah tangga;
- b) Menyerahkan jiwa raganya kepada suami pada setiap masa dan waktu;
- c) Menyediakan dan menguruskan segala keperluan harian makan minum, pakaian kepada suami dan anaknya;

- d) Memenuhi tugas harian memasak, membasuh dan mengemas rumah tangga;
- e) Menemani suami dan anak-anaknya;
- f) Memberikan didikan kepada anak-anaknya;
- g) Menyediakan keperluan anak-anaknya;
- h) Menguruskan persekolahan anak-anak;
- i) Memberikan pandangan dan buah fikiran bagi mendapatkan aset-aset;
- j) Menyenangkan hati suaminya dan memberikan semangat dalam kerjaya suaminya sehingga memperoleh kejayaan.

8. Setelah mengkaji pentafsiran dari sudut undang-undang maka Mahkamah akan cuba merujuk kepada beberapa pandangan ulama' Fiqh mengenai kedudukan harta sepencarian.

9. Di dalam **kitab Al-Turuq Al-Hukmiyyah Fi Al-Siasah Al-Syar'iyyah, Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah** cetakan Dar Al Kitab Al-Alamiyah pada muka surat **22** ada menyebut:

ومن ذلك : أن جمهور الفقهاء يقولون في تداعي الزوجين ، والصانعين لمتاع البيت والدكان : إن القول قول من يدل الحال على صدقه . والصحيح في هذه المسألة، انه لا عبرة باليد الحسية ، بل وجودها كعدمها. لو إعتبرناها لاعتبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى رأسه عمامة ، وآخر خلفه حاسر الرأس ، ونحن نقطع بأن يده ظالمة عادية ، فلا إعتبار له

Yang bererti:

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

“Di antaranya ialah di kalangan ahli perundangan Islam telah sepakat berpendapat bahawa di dalam kes tuntutan antara suami isteri yang sama-sama berusaha dalam mendapatkan harta rumah tangga dan berkedai, tuntutan yang sedemikian hendaklah di terima berdasarkan keterangan-keterangan dan bukti-bukti tuntutan itu. Sebenarnya di dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta itu tidak dikira hanya semata-mata berdasarkan nama yang tetara di dalam harta itu. Setakat nama yang tertera di dalam sesuatu harta itu belum tentu membuktikan pemilikannya. Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambil kira hak milik sesuatu harta semata-mata mengikut nama yang teteta di dalam harta itu, maka nescaya serban yang dipakai di kepala seseorang yang merampas serban kepunyaan orang lain akan dikira sebagai serban kepunyaan perampas itu, sedangkan pengiktirafan yang sedemikian adalah suatu kezaliman dan tidak diambil kira”.

10. Al-Sayid Sabiq di dalam kitabnya Fiqh Al-Sunah, jilid kedua, juzuk-juzuk 6,7,8,9 dan 10, cetakan keempat 1403H/1983M terbitan Dar Al-Fikr, Beirut , Labenon menjelaskan perkara ini berpendapat :

Yang bererti:

“Dasar yang ditetapkan oleh Islam dalam mengatur dan menguruskan kehidupan suami isteri adalah merupakan suatu dasar yang sesuai dengan fitrah dan tabiat semula jadi manusia itu sendiri. Lelaki lebih mampu bekerja, bersungguh-sungguh berusaha dan mencari pendapatan di luar rumah, manakala perempuan lebih mampu menguruskan rumah tangga, mendidik anak-anak, menjadikan

suasana rumah tangga menyenangkan dan penuh ketenteraman. Oleh sebab itu ditugaskan kepada lelaki kerja-kerja yang sesuai dengan fitrahnya, manakala ditugaskan kepada perempuan dengan tanggungjawab sesuai dengan fitrahnya. Dengan yang demikian, rumah tangga tersebut dapat berjalan dengan baik. Sama ada kerja tersebut dilakukan di dalam atau di luar rumah di mana dalam situasi tersebut, suami isteri tidak bertemu antara satu sama lain dalam suatu masa tetapi mereka bertanggungjawab melaksanakan tugas yang bersesuaian dengan diri masing-masing. Rasulullah s.a.w. telah memutuskan hukum antara Ali Ibni Abi Talib Radiallahu 'an hu wa karammallah hu wajhahu dengan isterinya Fatimah Radiallahu 'anha .. maka Rasulullah s.a.w. memutuskan ke atas Fatimah supaya menjalankan tugas urusan rumah tangga, manakala ke atas Ali pula diputuskan supaya menjalankan kerja dan mencari pendapatan di luar rumah.

11. Dalam **kitab Fathul Muin m.s. 76 jilid 4** bermaksud “Adapun perkara-perkara yang tidak khusus kepada isteri melakukannya seperti **memasak makanan dan mencuci pakaian suami**, maka tidaklah menjadi kewajipan ke atas isteri mahupun orang gaji bagi isteri.
12. **Tetapi kewajipan tersebut menjadi tugas suami.** Oleh yang demikian, suami hendaklah menangani diri sendiri atau ditangani oleh orang lain (iaitu suami membayar upah dan sebagainya).
13. Ini jelas menunjukkan bahawa tugas isteri di rumah itu sepatutnya dibantu oleh suami. Oleh kerana suami bertugas di luar, maka suami sepatutnya menggaji atau mengupah orang lain untuk membantu isteri melaksanakan kerja-kerja tersebut. Di dalam kes ini, Mahkamah dapati bahawa isteri **telah membantu suaminya**

sepenuhnya dalam urusan di rumah dan melaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Beliau sepatutnya dibayar oleh tetapi tidak dibayar upah oleh suaminya. Inilah ketentuan Hukum Syara' yang memberi hak sewajarnya kepada isteri yang melaksanakan kerja tersebut dengan penuh tekun dan sabar. Tugas isteri tersebut , Mahkamah menganggap tugas isteri tersebut adalah sebagai tugas rasmi yang perlu dinilai mengikut tahap-tahap kewajaran sepenuhnya.

14. Daripada pandangan Ulama Fiqh tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa isteri mempunyai hak ke atas apa yang diusahakan termasuklah usaha-usahanya yang mendorong suami berjaya mendapatkan harta tersebut. Usaha-usaha tersebut sepatutnya mendapatkan pengiktirafan daripada undang-undang dan Hukum Syara'. Inilah peranan isteri dalam menguruskan rumah tangga. Demikian Islam menghormati dan mengakui kewujudan hak-hak mereka.

15. Setelah kita mengetahui had-had sumbangan tersebut maka apakah ketetapan peratusan atau bahagian yang berhak diperolehi oleh Plaintiff. Berdasarkan kes ini Mahkamah dapati Plaintiff telah menjadi isteri kepada defendan selama lebih kurang 28 tahun. Dalam masa tempoh tersebut Plaintiff berhak untuk mendapatkan pembahagiannya berdasarkan sumbangan secara tidak langsung dengan mengambil kira takat-takat sumbangan atau apa-apa hutang atau apa-apa keperluan anak-anak tersebut.

16. Untuk itu Mahkamah ini cuba merujuk kepada beberapa kes untuk dijadikan panduan.

17. Mengikut kes: **XXXXXX lwn XXXXXX (1979) 1 JH (2) 71**, Y.A. Kadi Besar Pulau

Pinang – Hari Harussani bin Haji Zakaria telah membuat keputusan seperti berikut :-

*“XXXXXX sepanjang perkahwinannya dengan XXXXXX telah berlaku sebagai isteri dan telah membuat kerja-kerja yang lazim dilakukan oleh seorang isteri dengan sepenuhnya tanpa mendapat pertolongan dari orang gaji, maka oleh itu segala penghasilan sepanjang hidup perkongsian bolehlah dianggap hasil bersama. Kerja-kerja yang dilakukan oleh seorang isteri yang tidak dibantu oleh orang gaji sekurang-kurangnya telah meringankan beban si suami setidak-tidaknya **sepertiga** daripada tanggungannya”.*

18. Di dalam kes dari Selangor **XXXXXX lwn. XXXXXX (1980) 2 JH 125**, di mana isteri yang dicerai telah membuat tuntutan sebahagian harta sepencarian. Penentang telah berhujah bahawa semua harta-harta yang didapati seperti tanah, rumah dan kedai-kedai didapati atas daya usaha dan kebijaksanaan penentang sahaja. Pihak isteri (pemohon) tidak memberi sumbangan baik yang berupa wang atau tenaga. Walaupun demikian, Mahkamah berpendapat pemohon ada memberi sumbangan sekalipun tidak berupa wang tetapi sumbangan secara moral, sebab penentang meningkat perniagaan adalah atas kepercayaan orang ramai dan mendapat gelaran Dato’ dengan cepat berpunca daripada perkahwinan dengan keluarga Diraja. Dengan demikian penentang tidak boleh menafikan sama sekali yang pemohon tiada memberi apa-apa sumbangan. Maka, atas pertimbangan Mahkamah, pemohon patut diberi hak bahagian dalam harga sepencarian sebagai jaminan hidup pada masa akan datang. Apabila isteri dapat membuktikan bahawa beliau ada membantu suaminya dalam menguruskan rumahtangga dan keluarganya. Selain

daripada itu, beliau turut menemani suaminya menjalankan perniagaannya. Semua dorongan tersebut telah menyebabkan suaminya memperolehi harta dengan mudah. Ini menunjukkan bahawa isteri sebenarnya telah membuat sumbangan secara tidak langsung bagi membolehkan suami memperoleh harta tersebut.

19. Dalam kes tersebut, harta-harta tersebut telah diperolehi di dalam tempoh masa perkahwinan mereka dan telah dibuktikan bahawa isterinya telah menyumbangkan secara tidak langsung kepada perolehan harta itu, dengan ia menguruskan rumah tangga dan keluarga dalam masa tiga puluh lima tahun dalam masa perkahwinan tersebut. Maka ini bermakna ia berhak mendapat bahagiannya. Dalam kes ini, rayuan dibenarkan dan Mahkamah Rayuan ini memerintahkan pihak penentang rayuan hendaklah memberi satu pertiga daripada harta-harta yang disenaraikan atau dinilainya kepada pihak perayu.

KEPUTUSAN

Di atas permohonan tuntutan ini, keterangan dan saksi Plaintiff serta hujahan yang diberikan, serta berdasarkan kes-kes yang dirujuk, maka dengan ini Mahkamah berpuasa hati bahawa Plaintiff adalah berhak mendapat sebahagian daripada nilai rumah tersebut berdasarkan bukti-bukti yang ditunjukkan. Dengan ini Mahkamah perintahkan seperti berikut:-

1. Mahkamah perintahkan dan isytiharkan bahawa rumah dan tanah yang terletak di No. 58, Taman Terus Maju, 32000 Setiawan Perak adalah diisytiharkan sebagai harta sepencarian di antara Plaintiff dan Defendan.

2. Mahkamah perintahkan Defendan hendaklah untuk menyerahkan $\frac{1}{4}$ bahagian ke atas nilai rumah dan tanah di atasnya diletak Hak milik di atas nama Plaintiff XXXXXX dan Mahkamah perintahkan $\frac{3}{4}$ bahagian ke atas nilai rumah dan tanah di atasnya diletak Hak milik atas nama Defendan XXXXXX ke atas rumah dan tanah di No. 58, Taman Terus Maju, 32000 Setiawan Perak.
3. Mahkamah perintahkan mana-mana pihak berkuasa hendaklah melaksanakan perintah tersebut dengan membahagikan mengikut nilai bahagian masing-masing dan meletak hak ke atas tanah dan rumah tersebut seperti mana yang di perintahkan.
4. Sekiranya rumah tersebut dijual, maka Mahkamah perintahkan $\frac{1}{4}$ bahagian hendaklah diberikan kepada Plaintiff dan $\frac{3}{4}$ bahagian diberikan kepada Defendan setelah ditolak kos-kos yang terlibat.
5. Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.
6. Perintah ini berkuatkuasa serta merta mulai hari ini.